

Mengkritik hendaklah melalui saluran tertentu

PATUHI PEMIMPIN YGDIPILIH

M. 30 APR 1977

DR. Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah penting bagi ahli-ahli UMNO mematuhi para pemimpin yang dipilih di samping berpegang kepada peraturan dan ketertiban yang menjadi amalan parti itu.

Dalam hubungan ini beliau tidak menafikan hak ahli-ahli UMNO mengkritik pemimpin-pemimpinnya tetapi hendaklah melalui saluran tertentu", katanya.

Beliau berpendapat amalan seumpama itu adalah mustahak kerana memberi kekuatan kepada pucuk pimpinan menjalankan dasar-dasar untuk kepentingan negara dan rakyat.

Di samping itu adalah menjadi kenyataan bahawa sebahagian dari sebab kekalnya UMNO sebagai pemerintah adalah kerana ahli-ahlinya berpegang kepada ketertiban dan peraturan, tambahnya.

**KUALA TRENGGANU
29 APRIL**

Berucap merasmikan sidang perwakilan UMNO Bahagian Ulu Nerus, di Dewan Sekolah Menengah Sains, Gong Badak di sini, pagi ini, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Jika ahli-ahli UMNO tidak berpegang kepada peraturan parti, UMNO tidak akan merupakan satu pertubuhan dan tidak akan berkuasa di negara ini".

Hormati

"UMNO adalah tulang belakang Barisan Nasional dan kekuatan itu datangnya dari sokongan ramai. Kalau UMNO tidak percaya kepada pemimpinnya sendiri, mustahil parti-parti lain akan menghormati pula pemimpin dari UMNO", tambahnya.

Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia dalam ucapan itu menegur setengah-setengah pemimpin UMNO yang mengancam dasar parti dan kerajaan yang mereka sendiri sokong dalam ucapan mereka yang

mana boleh menjejaskan imej pemimpin dan kestabilan pentadbiran negara.

Kalangan ini, katanya, hendaklah menghormati pemimpin-pemimpin yang mereka sendiri pilih bagi memberi kekuatan kepada mereka melaksanakan dasar-dasar untuk kepentingan umum.

Bagaimanapun beliau mengaui para pemimpin UMNO termasuk beliau sendiri dan lain-lain pemimpin mungkin mempunyai kesilapan-kesilapan yang tidak dapat dielakkan.

Dalam hubungan ini, beliau menerangkan, UMNO membolehkan ahli-ahlinya mengkritik tetapi hendaklah melalui saluran tertentu sama ada melalui majlis tertinggi atau lain-lain.

"Dengan itu pemimpin yang melakukan kesilapan dapat dibetulkan dan mereka akan terus dihormati oleh semua pihak", katanya lagi.

Terdahulu dari itu Timbalan Perdana Menteri itu mensifatkan rakyat Trengganu sebagai bertuah dan perlu bersyukur kerana laut mereka mempunyai hasil minyak.

Katanya, pada suatu ketika orang-orang Trengganu berpendapat bahawa negerinya ialah apa yang terdapat di atas daratan sahaja, iaitu daripada pantai sampailah ke perenggan dengan Pahang dan Kelantan.

"Tapi sekarang ini kita dapati mengikut tafsiran yang telah dipersetujui oleh kuasa-kuasa antarabangsa sesebuah negeri juga mempunyai hak ke atas pelantar benua sejauh 200 batu dari pantai", katanya lagi.

Menurutnya, negeri-negeri lain yang berada di pantai Timur tidak mempunyai pantai yang begitu panjang termasuk Kelantan dan Pahang walaupun ia lebih besar dari Negeri Trengganu.